
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

YBP 224 – Perhubungan Awam

Masa: 2 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak.

Jawab **DUA (2)** soalan. **Soalan SATU (1)** adalah wajib.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

- 2 -

1. Jawab LIMA (5) dari soalan-soalan di bawah.
 - (a) Berikan tiga tokoh perhubungan awam antarabangsa dan nyatakan sumbangan mereka kepada bidang ini.
 - (b) Jelaskan model-model perhubungan awam yang dikemukakan oleh Grunig dan Hunt (1984) dan kemukakan dua lagi model lain yang sering diamalkan pengamal perhubungan awam dalam organisasi.
 - (c) Kenalpasti dan jelaskan kategori-kategori aktiviti penyelidikan perhubungan awam dan kaitannya dengan analisis situasi.
 - (d) Berikan satu pertubuhan profesional perhubungan awam di Malaysia dan jelaskan peranannya dalam pendidikan perhubungan awam.
 - (e) Huraikan keadaan atau masalah yang memerlukan pengamal perhubungan awam mengaplikasikan proses perhubungan awam.
 - (f) Berikan beberapa aktiviti-aktiviti perhubungan awam korporat yang membantu pemasaran sesuatu produk atau perkhidmatan.
 - (g) Apakah yang dimaksudkan dengan kedermawanan korporat. Jelaskan dengan menggunakan contoh yang sesuai.

2. Women's Center For Change (WCC) adalah satu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memberi perlindungan dan bantuan kepada golongan wanita yang bermasalah. Ia beroperasi di Pulau Pinang. WCC menghadapi beberapa masalah yang perlukan penyelesaian. Di antara masalah tersebut ialah kekurangan dana dan sumber kewangan untuk menjalankan operasinya dan juga kekurangan para kaunselor sukarelawan untuk membantu wanita-wanita yang berlindung di situ.

Sebagai perunding perhubungan awam di sebuah firma perhubungan awam anda ditugaskan untuk membantu menyelesaikan masalah tersebut.

- (a) Huraikan program-program yang anda akan rancangkan untuk mengatasi kedua-dua masalah tersebut. Sediakan kertas cadangan yang mengambil kira proses perhubungan awam.
 - (b) Apakah media yang akan anda gunakan untuk menjana publisiti mengenai WCC. Berikan justifikasi pemilihan anda.
3. Sebuah firma perhubungan awam yang baru ditubuhkan telah mengambil anda sebagai salah seorang perundingnya. Firma tersebut sedang aktif mengadakan promosi tentang perkhidmatan yang ditawarkannya kepada publik sasarannya . Anda diminta untuk menyediakan bahan promosi untuk firma ini. Oleh itu anda perlu memikirkan jawapan kepada soalan-soalan berikut;
- (a) Jelaskan jenis-jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh firma perhubungan awam tersebut kepada publik-publiknya.
 - (b) Huraikan siapakah publik-publik atau pelanggan firma ini yang perlu dijangkaui dalam perancangan promosi tersebut.
 - (c) Sediakan siaran media mengenai firma perhubungan awam ini untuk mewar-warkan penubuhannya.